



KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH



KENYATAAN MEDIA

MEDIA RELEASE

Aras 5-9, No. 47, Persiaran Perdana
Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan, 62100 Wilayah Persekutuan
Putrajaya

Tel: 03-8891 2611

Faks: 03-8888 2311

Laman Web: www.kemas.gov.my

No. Rujukan: KEMAS.100-9/1/3 (2)

Tarikh: 17 Oktober 2023/ 2 Rabiulakhir 1445

KEMAS TERUS DAMPINGI GOLONGAN BELIA SERTA KELAS PEMBANGUNAN INSAN

IPOH, 17 Oktober - Festival Kesenian Islam (iFEST) Peringkat Kebangsaan Kali Ke-7 Tahun 2023 meriah dengan penyertaan lebih 500 orang terdiri daripada peserta Kelas Pembangunan Insan KEMAS, peserta program dibawah seliaan KEMAS dan masyarakat setempat yang diadakan selama 3 hari bermula 15 Oktober hingga 17 Oktober 2023, bertempat di Pusat Konvensyen Casuarina, Meru, Ipoh, Perak.

Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) berhasrat menonjolkan kesenian berteraskan Islam serta mengembalikan dan mengangkat pelbagai kesenian Islam yang popular ketika zaman Rasulullah agar tidak hilang ditelan zaman secara pertandingan peringkat negeri dan kebangsaan.

“KEMAS mempunyai seramai 28,183 orang peserta yang melibatkan sebanyak 1,355 buah kelas dan seramai 246 orang Pemaju Masyarakat Pembangunan Insan di seluruh Malaysia yang bergerak aktif dalam aktiviti pembangunan insan”.

“Ini adalah satu pencapaian yang amat membanggakan, kerana KEMAS masih lagi relevan dan mampu memberi pendidikan tidak formal yang terbaik untuk masyarakat desa”.

YB Datuk Hajah Rubiah binti Wang, Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah berkata demikian di Majlis Perasmian Penutupan Festival Kesenian Islam Peringkat Kebangsaan Tahun 2023 di Dewan Hotel Casuarina@Meru, Ipoh, Perak hari ini.

Tambah beliau, ini selaras dengan Dasar Pembangunan Luar Bandar (DPLB), teras ketiga: Modal Insan Berkualiti, ternyata Kementerian Kemajuan Desa Dan Wilayah (KKDW) melalui KEMAS telah

dapat mencapai hasrat kerajaan dalam strategi memperkasa komuniti luar bandar atau pun desa dengan pengetahuan dan kemahiran insaniah.

"Program hari ini telah menampakkan hasilnya dan selaras dengan hala tuju KKDW melalui *games changers*, melahirkan modal insan luar bandar yang komprehensif".

-TAMAT-

Disediakan oleh:

Unit Komunikasi Korporat
Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS)
Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah
17 Oktober 2023